



UNIVERSITI KUALA LUMPUR
Malaysia France Institute

FINAL EXAMINATION
JULY 2010 SESSION

SUBJECT CODE : MPW 2133
SUBJECT TITLE : PENGAJIAN MALAYSIA (MALAYSIAN STUDIES)
LEVEL : BACHELOR
TIME / DURATION : 8.00pm – 10.00pm
(2 HOURS)
DATE : 11 NOVEMBER 2010

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Please read the instructions given in the question paper **CAREFULLY**.
 2. This question paper is printed on both sides of the paper.
 3. Please write your answers on the answer booklet provided.
 4. Answer should be written in blue or black ink except for sketching, graphic and illustration.
 5. This question paper consists of **THREE (3)** sections. Section A, B and C. Answer all questions in Section A and B. For Section C, answer one (1) question only.
 6. Answer all questions in Bahasa Melayu.
-

THERE ARE 9 PAGES OF QUESTIONS, EXCLUDING THIS PAGE.

BAHAGIAN A (Jumlah: 30 markah).**ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.****Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

1. Faktor-faktor yang menyumbang kepada perkembangan dan keagungan Kerajaan Melaka ialah
 - I. kebudayaan.
 - II. geografi.
 - III. ekonomi.
 - IV politik dan pentadbiran.

A. I dan II	C. II, III dan IV.
B. I, II dan III.	D. I, II, III dan IV

2. Negeri-negeri yang dijajah Inggeris mengikut urutan ialah
 - A. Melaka-Singapura-Pulau Pinang-Perak.
 - B. Singapura-Pulau Pinang-Melaka-Perak.
 - C. Pulau Pinang-Singapura-Melaka-Perak.
 - D. Melaka-Pulau Pinang-Singapura-Perak.

3. Antara faktor yang menyebabkan Melaka lemah dan kemudiannya menjadi punca kekalahan Melaka di tangan Portugis ialah;
 - I. tiada pemimpin yang cekap.
 - II. rakyat berpecah-belah.
 - III. banjir penduduk asing.
 - IV. pedagang-pedagang beralih ke tempat lain.

A. I, II dan III.	C. I, III dan IV.
B. I, II dan IV.	D. II, III dan IV.

4. Kesan positif pendudukan Jepun di Tanah Melayu adalah meningkatkan
 - A. perpaduan antara kaum.
 - B. kekuatan ketenteraan tempatan.
 - C. kesedaran politik orang Melayu.
 - D. semangat kenegaraan Tanah Melayu.

9. Kenapakah Singapura terpaksa dipisahkan dari Persekutuan Malaysia?.
- A. Tuntutan Lee Kuan Yew Malaysia untuk rakyat Malaysia boleh menggugat keamanan Malaysia.
 - B. Bilangan penduduk Cina di Singapura yang terlalu ramai mengancamimbangan kaum di Malaysia.
 - C. Singapura sendiri ingin keluar dari Malaysia.
 - D. Parti Perikatan tidak mahu Singapura berada dalam Malaysia kerana khuatir akan mengancam kedudukan mereka sebagai parti politik terunggul.
10. Pernyataan 'Terdapat dua peringkat kerajaan', di mana yang satu hendaklah bebas daripada campur tangan yang lain' merujuk kepada konsep
- A. konfederasi.
 - B. unitari.
 - C. Persekutuan.
 - D. Autonomi.
11. Perkara-perkara berikut terletak dalam Senarai Pertama, Jadual Kesembilan **kecuali**
- A. pertahanan.
 - B. undang-undang Islam.
 - C. keselamatan dalam negeri.
 - D. Pendidikan.
12. Mengikut Perkara 77 Perlembagaan Persekutuan, mana-mana kuasa yang tidak disenaraikan dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan terletak di bawah kuasa
- A. negeri.
 - B. persekutuan.
 - C. persekutuan dan negeri.
 - D. kerajaan tempatan.
13. Perkara-perkara berikut dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia **kecuali**
- A. prosedur pemecatan hakim Mahkamah Persekutuan.
 - B. kuasa perkenan Yang di-Pertuan Agong ke atas rang undang-undang.
 - C. struktur dan hierarki Sistem Mahkamah Syariah.
 - D. pemberian dan sumber-sumber hasil yang diserahkan kepada kerajaan negeri.

19. Undang-undang Pelajaran 1957 telah digubal berdasarkan kepada
- | | |
|--------------------------|----------------------------|
| A. Laporan Razak. | C. Laporan Aminuddin Baki. |
| B. Laporan Rahman Talib. | D. Laporan Khir Johari. |
20. Berikut adalah perkara-perkara penting yang disulkan oleh Penyata Razak:
- I. Memperkenalkan Sistem Pendidikan Aneka Jurusan.
 - II. Sukatan pelajaran yang seragam di semua jenis sekolah.
 - III. Sekolah vernakular digantikan dengan Sekolah Kebangsaan.
 - IV. Mewajibkan mata pelajaran Bahasa Inggeris di semua sekolah.
- | | |
|----------------|--------------------|
| A. II dan IV. | C. I, II dan III. |
| B. II dan III. | D. II, III dan IV. |
21. Manakah antara berikut merupakan perkara yang **tidak tepat** dengan Falsafah Pendidikan Negara?.
- A. Menarik para pelajar mengikuti pengajian dalam aliran sains dan teknikal.
 - B. •Menggantikan subjek Pengajian Moral dengan Pengajian Islam.
 - C. Memperkenalkan matapelajaran Tamadun Islam dan Asia Tenggara di IPT.
 - D. Mewajibkan para pelajar menyertai aktiviti ko-kurikulum dengan aktif.
22. Wawasan 2020 diilhamkan oleh Tun Dr Mahathir ketika awal pelaksanaan
- | | |
|--------------------------|--------------------------------|
| A. Dasar Wawasan Negara. | C. Dasar Pembangunan Nasional. |
| B. Dasar Ekonomi Negara. | D. Dasar Perindustrian Negara. |
- Untuk soalan 23 , sila rujuk kepada pernyataan di bawah.
- *Usahasama pemasangan dan perkongsian kepakaran teknikal Proton-Lotus.*
 - *Ekspedisi angkasawan Malaysia ke angkasa lepas.*
 - *Penyelidikan bioteknologi terhadap minyak kelapa sawit untuk menghasilkan biofuel.*
23. Perkara-perkara di atas adalah berkaitan dengan cabaran Wawasan 2020 yang ke
- | | |
|-------------|----------------|
| A. keenam. | C. Kelapan. |
| B. ketujuh. | D. Kesembilan. |

24. Berikut adalah penekanan dasar yang diberikan dalam Rancangan Lima Tahun Malaya Pertama dan Rancangan Malaya Kedua **kecuali**
- A. produktiviti pertanian.
 - B. pembangunan infrastruktur.
 - C. pelbagaikan pertanian.
 - D. penyusunan masyarakat.
25. Manakah kenyataan yang tepat mengenai Dasar Ekonomi Baru (DEB)?
- A. Menumpukan usaha pembasmian kemiskinan di kalangan orang Melayu.
 - B. Berakhir dengan Rancangan Malaysia Kelima.
 - C. Merupakan RRJP yang mengambil masa paling lama iaitu 15 tahun.
 - D. Merangkumi Rancangan Malaysia Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat.
26. Berikut adalah projek-projek yang telah dijalankan bagi mencapai matlamat yang digariskan dalam Dasar Perindustrian Negara (DPN).
- I. HICOM.
 - II. Perwaja Steel.
 - III. Tenaga Nasional Berhad (TNB).
 - IV. Proton.
- A. I dan II
 - B. I, II dan III
 - C. I, II dan IV.
 - D. Semua di atas.
27. Berikut adalah contoh asas-asas Dasar Kebudayaan Kebangsaan:
- I. Berbaju Melayu lengkap bersampin bersama songkok pada hari Jumaat.
 - II. Penolakan terhadap sebarang unsur budaya daripada Barat.
 - III. Bacaan doa dalam upacara pertabalan Yang di-Pertuan Agong.
 - IV. Program sambutan Tahun Baru Cina peringkat kebangsaan.
- A. I dan II.
 - B. I dan III.
 - C. I, III dan IV
 - D. Semua di atas
28. Objektif Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah untuk
- I. mengukuhkan perpaduan rakyat.
 - II. mewujudkan asimilasi ke arah satu negara satu budaya.
 - III. memperkayakan keperibadian kebangsaan.
 - IV. mengekalkan jatidiri orang-orang Melayu.
- A. I dan III
 - B. II dan III.
 - C. III dan IV.
 - D. I, III dan IV.

29. - Hak dan kebebasan rakyat terjamin
- Sokongan majoriti rakyat
Pernyataan di atas merujuk kepada
- | | |
|---------------------|---------------------------|
| A. demokrasi. | C. demokrasi berparlimen. |
| B. kebebasan asasi. | D. Raja Berperlembagaan. |
30. Kesemua kenyataan berikut adalah benar mengenai pilihanraya di Malaysia **kecuali**
- A. pilihanraya tidak pernah diadakan bagi memilih 2 orang ahli yang mewakili setiap negeri dalam Persekutuan ke Dewan Negara.
 - B. seseorang itu boleh bertanding untuk kedua-dua kerusi Parlimen dan DUN secara serentak di dalam satu-satu pilihanraya.
 - C. seseorang individu yang memiliki kerakyatan asing bersama-sama dengan kerakyatan Malaysia dibenarkan untuk mengundi jika sudah bermastautin di Malaysia lebih 5 tahun.
 - D. seseorang yang dijatuhkan hukuman penjara 1 tahun dan ke atas tidak boleh dicalonkan untuk bertanding dalam pilihanraya.

BAHAGIAN B (JUMLAH: 20 MARKAH).**ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.****Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

1. Nyatakan **tiga** fungsi penting Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) sebagaimana digariskan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
(3 markah)
2. Nyatakan **lima** saluran bagi menghubungkan Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri.
(5 markah)
3. Nyatakan **empat** objektif Dasar Pendidikan Negara hasil daripada Laporan Razak dan Laporan Abdul Rahman Talib.
(4 markah)
4. Nyatakan **enam** prinsip Dasar Belia Negara.
(6 markah)
5. Nyatakan dua program belia yang dijalankan di bawah Dasar Belia Negara.
(2 markah)

BAHAGIAN C (Jumlah: 30 markah)

ARAHAN: Jawab SATU soalan sahaja.

Jawapan hendaklah dikemukakan dalam bentuk esei.

Sila guna buku jawapan yang disediakan.

1. Dasar "pecah dan perintah" yang diamalkan oleh penjajah jelas menyebabkan wujudnya masyarakat majmuk yang dipisahkan dari pelbagai segi. Bincangkan.
(30 markah)

2. Pihak kerajaan telah merangka beberapa strategi bagi mencapai dasar pembangunannya. Bincangkan lima daripada strategi ini dan sejauh manakah strategi-strategi ini berhasil membawa negara kita ke arah kemajuan.
(30 markah)

3. Badan kehakiman dan mahkamah sudah ditentukan bidang kuasanya oleh Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Bincangkan mengenai bidang kuasa - bidang kuasa mahkamah dan pada pandangan anda sejauh manakah badan kehakiman berfungsi mengikut bidang kuasa yang diperuntukkan kepadanya.
(30 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT